

From: CEDI
Sent: Rabu, 26 April 2017 11:18 pg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Dr. Mohd Najib Bin Mansor; Jauriyah bt. Shamsuddin
Subject: LAWATAN MENJALINKAN USAHASAMA CEDI DAN INDUSTRI



Institut Pembangunan
Keusahawanan dan Koperasi
CO-OPERATIVE AND ENTREPRENEURSHIP
DEVELOPMENT INSTITUTE
Universiti Utara Malaysia

26 APRIL 2017 / 29 REJAB 1438H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Y.Brs. Prof/Dr/Tuan/Puan

LAWATAN MENJALINKAN USAHASAMA CEDI DAN INDUSTRI



CEDI ONLINE : Pada 13 dan 14 Mac 2017 yang lalu, pihak CEDI telah mengadakan lawatan ke premis dan kilang di dua buah syarikat iaitu Koperasi Usahawan Groom Big Perlis Berhad (KUGPIS) dan Seleraku Trading Sdn. Bhd. (STSB) yang masing-masing diadakan di Pauh, Perlis dan Cerok Mokkan, Mukim Hosba. Lawatan singkat yang telah diadakan ini diketuai oleh Timbalan Pengarah Bahagian Latihan dan Perundingan CEDI, Dr. Jauriyah Shamsuddin dan dihadiri oleh sepuluh (10) orang pelajar dan dua orang pegawai CEDI.

Antara tujuan lawatan ini diadakan adalah untuk membincangkan tentang pelaksanaan Fasa 4 Program Pembangunan Usahawan Gourmet On Wheel (GOW), iaitu program pembangunan usahawan trak makanan

kepada pelajar UUM. Pada fasa ini, para pelajar akan menjalankan latihan praktikal bersama mentor industri yang dilantik. Pihak KUGPIS dan STSB telah bersetuju untuk menyediakan sebanyak 10 peniaga trak makanan sebagai mentor yang terdiri daripada pelbagai jenis perniagaan. Antaranya adalah seperti perniagaan Oblong Burger, Ais Krim, Ayam Goreng, Pizza dan sebagainya.



Semua 10 usahawan trak makanan tersebut telah diperkenalkan kepada pelajar yang menyertai program ini dan mereka telah menyatakan kesediaan untuk membantu pihak CEDI dalam usaha melahirkan usahawan dalam kalangan pelajar UUM khususnya dalam perniagaan trak makanan.

Pada sesi lawatan ini juga, rombongan telah diperkenalkan dengan beberapa jenis trak makanan dan cara pengoperasiannya serta dibawa melawat sekitar kilang. Pihak KUGPIS yang diwakili oleh En. Mohd. Nordin Jafri merupakan pengerusi kepada Koperasi berkenaan manakala pihak STSB pula diwakili oleh En. Yusof merupakan Pengurus Besar kepada syarikat berkenaan.

Program GOW merupakan antara program pembangunan keusahawanan pelajar yang telah mendapat peruntukan dana daripada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) tahun 2016.

Tamat.

=====

DARIPADA:
INSTITUT PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN DAN KOPERASI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010, SINTOK, KEDAH
TEL : 604 - 928 4871
FAKS : 604 - 928 4909
EMAIL : cedi@uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.